

Pizaku (Tadika 1 Buku Besar 14 'Rosak')

Gambaran Keseluruhan:

Menggunakan lagu untuk mengenalkan konsep bentuk kepada kanak-kanak.

Matlamat Pembelajaran:

1. mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Melayu
2. membina kemahiran asas bahasa dan literasi

Objektif Pengajaran:

Kanak-kanak berpeluang untuk:

1. mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti 'Pizaku'
2. memberikan respons yang sesuai

** Guru menyiapkan barang-barang yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti lanjutan. (Contoh: Piring kertas, pelekat, kertas berwarna yang digunting dalam pelbagai bentuk dan krayon.)*



Guru menyiapkan barang-barang yang diperlukan.

#1 Memilih lagu yang sesuai


- Guru memastikan lirik lagu yang dipilih pendek, berulang dan mudah difahami serta mempunyai melodi yang menarik.
- Guru mengajak kanak-kanak mendengar lagu 'Di Sini Sana'. (Sila rujuk lagu-lagu yang telah dimuat naik)

#2 Menggunakan aksi dan gerak yang sesuai untuk mengenalkan perkataan baharu

- Guru mengajak kanak-kanak menyebut perkataan-perkataan dalam lagu.
- Guru menunjukkan aksi yang sesuai kepada kanak-kanak.

#3 Mengulang lagu beberapa kali sebelum mengajak kanak-kanak bernyanyi sambil melakukan aksi yang sesuai

- Guru mengajak kanak-kanak menyanyikan lagu 'Di Sini Sana' beberapa kali.
- Guru mengajak kanak-kanak menyanyi serta melakukan aksi lagu tersebut bersama guru.



Guru memperkenalkan pelbagai jenis bentuk kepada kanak-kanak.

*** Aktiviti Lanjutan:**



Guru:

- *melukis gambar bentuk-bentuk yang ingin diperkenalkan kepada kanak-kanak di papan tulis*
- *memperkenalkan kanak-kanak kepada pelbagai jenis bentuk dan mengajak mereka untuk menyebut bentuk-bentuk tersebut*
- *menunjukkan contoh piza yang akan dihasilkan oleh kanak-kanak*
- *mengajak kanak-kanak menyebut bentuk-bentuk yang terdapat dalam contoh piza yang dihasilkan oleh guru*
- *mengajak kanak-kanak membuat piza dengan menggunakan barang-barang yang telah disediakan*

Penutup

Guru mengajak kanak-kanak untuk berkongsi piza yang telah dihasilkan.



Guru menunjukkan contoh piza yang akan dihasilkan oleh kanak-kanak.